

SULIT

NAMA : .....

TINGKATAN : .....



## SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PELAJARAN KELANTAN

5226/1

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016 TASAWWUR ISLAM

Kertas 1  
Ogos  
2016

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab semua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 7 dalam kertas soalan ini.
4. Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah di tulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	21 - 40	20	
Jumlah		40	

---

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
(20 MARKAH)

1. Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa hanya Allah SWT yang Maha Esa dan layak disembah serta ditaati segala perintahNya  
Kenyataan diatas menerangkan tentang pengertian
  - A Waqiiyah
  - B Uluhiyyah
  - C Alamiyyah
  - D Rububiyah
  
2. Maksud sistem sosial Islam ialah
  - A Pergaulan dan hubungan sesama manusia
  - B Perhubungan sesama manusia berdasarkan adat resam
  - C Hubungan sesama manusia yang berdasarkan ketakwaan kepada Allah SWT
  - D Peraturan dalam kehidupan yang berlandaskan pemikiran bangsa dan masyarakat
  
3. Antara berikut yang manakah perbuatan yang bersesuaian dengan kehendak syarak
  - A Menyambut hari lahir dengan meniup lilin
  - B Mengadakan upacara mandi bunga bagi membuang sial
  - C Menyerahkan kad ucapan sempena meraikan hari kekasih
  - D Membenarkan penganut yang berlainan agama membina rumah ibadat mereka
  
4. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan Allah SWT</li> <li>• Mengamalkan konsep taawun</li> <li>• Menjadikan harta sebagai alat untuk beribadat</li> </ul>
---
  
- Kenyataan diatas menjelaskan tentang keunggulan
  - A Sistem sosial Islam
  - B Sistem muamalat Islam
  - C Sistem munakahat Islam
  - D Sistem perundangan Islam
  
5. Yang mana satukah tidak termasuk kesalahan hudud
  - A Qazaf
  - B Berzina
  - C Mencuri
  - D Membunuh dengan sengaja
  
6. Pilih kenyataan yang salah mengenai ulul al-bab atau orang yang celik akal
  - A Menggunakan akal dalam setiap pemikiran
  - B Memahami al-Quran berdasarkan logik akal
  - C Memikirkan perkara-perkara positif dan negatif
  - D Membezakan antara orang yang berakal dengan orang safih
  
7. Pemikiran yang becanggah dengan syarak ialah
  - I Memikirkan perkara-perkara umum
  - II Memikir cara merosakkan alam
  - III Memikir perkara maksiat
  - IV Memikir zat Allah SWT
  - A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

- 8 Pilih padanan yang betul mengenai persamaan antara akal dengan wahyu

	<b>Akal</b>	<b>Wahyu</b>
A	Dianugerahkan oleh Allah kepada manusia	Dikurniakan hanya kepada para nabi dan rasul
B	Kebenarannya sering berubah-ubah	Kebenarannya bersifat mutlak
C	Digunakan untuk manusia berfikir	Untuk membimbing kehidupan manusia
D	Sentiasa berkembang	Telah terhenti penurunannya

- 9 Manakah antara yang berikut merupakan cara memiliki sifat Rabaniyyah ?

- I Berakhlak dengan akhlak yang mulia
- II Melaksanakan segala tuntutan kehidupan
- III Melaksanakan segala perintah Allah SWT
- IV Beriman dan yakin dengan segala rukun iman

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

10. Ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan ajaran Islam

- I Mengasingkan agama daripada kehidupan seharian
- II Menggalakkan manusia mencari harta tanpa batasan
- III Menafikan al-Quran dan hadis sebagai sumber hukum
- IV Mengalakkan manusia mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 11 Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap umat Islam

Kenyataan diatas menerangkan pengertian

- A Ilmu fardu kifayah
- B Ilmu fardu ain
- C Ilmu faraid
- D Ilmu hisab


12. Pilih jawapan yang salah mengenai hukum-hukum dalam Islam

	<b>Hukum</b>	<b>Keterangan</b>
A	Haram	Larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan
B	Sunat	Pilihan kepada manusia samada untuk dilakukan atau untuk ditinggalkan
C	Wajib	Suruhan Allah SWT yang mesti ditinggalkan
D	Makruh	Perkara yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan

13. Memilih jenis makanan halal yang digemari adalah contoh hukum
- Wajib
  - Harus
  - Sunat
  - makruh
14. Perkara yang mengukuhkan ibadat kepada Allah SWT ialah
- Sentiasa berakhlak mulia
  - Percaya kepada rukun iman
  - Melaksanakan semua rukun Islam
  - Sentiasa menceritakan ibadat yang dilakukan
- I, II dan III
  - I, II dan IV
  - I, III dan IV
  - II, III dan IV
15. 
  - Dapat menghapuskan segala akhlak buruk seperti hasad dengki dalam masyarakat
  - Melahirkan masyarakat dan negara yang aman damai dan maju
  - Contohnya bersedekah

Kenyataan diatas merujuk kepada ibadat

- Umum
  - khusus
  - Fardu ain
  - Fardu kifayah
16. Mengapakah penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam
- Masalah tidak berulang
  - Masalah tidak menjadi lebih teruk
  - Masalah dapat diselesaikan dengan mudah
  - Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh
17. Jaminan keselamatan bermaksud kesediaan melindungi keselamatan terhadap agama, nyawa, akal, harta, maruah dan negara
- Apakah kesan jika jaminan keselamatan dapat direalisasikan.
- Kehidupan aman dan makmur
  - Pengaruh asing dapat dihapuskan
  - Masalah jenayah dapat dikurangkan
  - Penghayatan agama semakin mantap
18. Tanggungjawab rakyat untuk memajukan negara adalah dengan cara
- Memulihara alam
  - Memelihara alam sekitar
  - Mewakili negara dalam pertandingan sukan
  - Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar
19. Kesan memperolehi harta secara haram kepada individu ialah
- Pelabur asing tidak berani melabur
  - Negara menjadi huru hara
  - Dibenci oleh masyarakat
  - Hidup sentiasa gelisah
- I dan II
  - II dan III
  - III dan IV
  - I dan IV



- 20 Berdasarkan rajah di atas S ialah
- A Rabani
  - B Adalah
  - C Tawakal
  - D Istiqamah

### Bahagian B

[20 markah]

#### Soalan 21 hingga 24

Tuliskan **istilah** yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruang yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

zakat	Qisas	Manipulasi
ajaran sesat	Taawun	Monopoli

- 21 Kepercayaan kepada rukun iman dan asas akidah yang tidak selaras dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah merupakan ciri-ciri utama ajaran tersebut
- 22 Menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk mendapatkan keuntungan peribadi dengan cara yang salah
- 23 Harta yang di ambil daripada orang kaya untuk diagihkkan kepada golongan yang telah ditetapkan dalam al-Quran
- 24 Semua kesalahan yang melibatkan harta, nyawa atau perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT dan boleh dikenakan tindakan dalam Undang-undang Islam.

**Soalan 25 hingga 28**


Lengkapkan **pernyataan** berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Jibril	Alamiyyah	Dhaif
Rabaniyyah	Musyarakah	Sahih

- 25 Hadis \_\_\_\_\_ ialah sebuah hadis yang perawinya terputus hubungan dengan Rasulullah SAW
- 26 Salah satu prinsip \_\_\_\_\_ ialah Islam adalah agama yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu manusia.
- 27 Pengertian \_\_\_\_\_ ialah Islam bersifat sawarjagat yang sesuai kepada semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman
- 28 Akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu kegiatan ekonomi dalam Islam di kenali sebagai \_\_\_\_\_

**Soalan 29 hingga 30**

Carta dibawah merujuk kepada aspek kesederhanaan dalam Islam




Berdasarkan carta diatas

29 . P ialah \_\_\_\_\_

30. Q ialah \_\_\_\_\_

## Soalan 31 hingga 32

Carta dibawah menjelaskan tentang wahyu sebagai sumber ilmu dalam Islam




Berdasarkan carta diatas

31. N ialah \_\_\_\_\_

32. O ialah \_\_\_\_\_

Soalan 33 hingga 34 berdasarkan kotak di bawah



33. P ialah \_\_\_\_\_

34. Q ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 35 hingga 36**

Jadual dibawah adalah berkaitan dengan jenis muamalah Islam

Jenis muamalah	Persamaan	perbezaan
V	Salah satu cara menolong orang memerlukan barangan	Kontrak sewaan sesuatu barangan milik orang lain dengan dikenakan sedikit bayaran
W		Pinjaman wang dengan menyerahkan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran

35. V dalam jadual diatas ialah : \_\_\_\_\_

36. W dalam jadual di atas ialah : \_\_\_\_\_

**Soalan 37 hingga 40**

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.

Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

- 37 Islam memberi kebebasan kepada manusia untuk mengkaji alam melalui kebijaksanaan akal dan kemajuan ilmu pengetahuan mereka
- 38 Allah SWT akan sentiasa mengutuskan para nabi kepada umat manusia bagi membimbing kehidupan mereka sehingga kehari kiamat
- 39 Antara matlamat disunatkan bersedekah adalah untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik
- 40 Ibadat dalam Islam boleh diubahsuai mengikut kehendak dan kesesuaian manusia sendiri.

<b>BAHAGIAN B</b>

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**KERTAS JAWAPAN****Bahagian A**1  A  B  C  D2  A  B  C  D3  A  B  C  D4  A  B  C  D5  A  B  C  D6  A  B  C  D7  A  B  C  D8  A  B  C  D9  A  B  C  D10  A  B  C  D11  A  B  C  D12  A  B  C  D13  A  B  C  D14  A  B  C  D15  A  B  C  D16  A  B  C  D17  A  B  C  D18  A  B  C  D19  A  B  C  D20  A  B  C  D**BAHAGIAN A**